

30 MAR 2004  
Sukan-Anugerah  
NAZMIZAN, NICOL RAIH ANUGERAH SUKAN NEGARA 2003

PETALING JAYA, 30 Mac (Bernama) -- Jaguh pecut Asia Tenggara Nazmizan Muhammad menepati ramalan apabila ditabalkan sebagai Olahragawan Kebangsaan pada majlis Anugerah Sukan Negara 2003, di sini malam ini.

Ratu skuasy negara, Nicol Ann David pula membuat kejutan dengan menggondol Anugerah Olahragawati Kebangsaan dengan mengenepikan Shalin Zulkifli, yang pernah memenangi anugerah tersebut sebanyak lima kali, dan ratu badminton negara Wong Mew Choo.

Nazmizan dan Nicol masing-masing menerima RM10,000 dan trofi yang disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Nazmizan, 22, mengakhiri kemarau 36 tahun Malaysia dalam acara 100 meter lelaki pada Sukan SEA ke-22 di Vietnam dengan catatan masa 10.47 saat sebelum mengungguli acara 200m dengan masa 21.05s.

Selain dimahkotakan sebagai "2003 Olympian of the Year", Nazmizan kini memburu tiket ke Sukan Olimpik di Athens pada Ogos ini dengan mengikuti latihan intensif di pusat latihan olahraga kendalian bekas jaguh dunia 400m Michael Johnson, di Amerika Syarikat.

Pelajar tahun dua Universiti Putra Malaysia (UPM) itu perlu melepasi masa kelayakan 10.28 saat untuk beraksi di Sukan Olimpik nanti.

Masa terbaik catatannya ialah 10.38s yang dilakukan ketika menyertai temasya Sukan Universiti Dunia 2003, di Daegu, Korea Selatan pada Ogos lepas.

Sementara Nicol, 20, yang kini menduduki ranking kelapan terbaik wanita dunia, kedudukan terbaik yang dicapainya sejak menjadi pemain professional pada 2002, meraih anugerah Olahragawati Kebangsaan buat kali kedua selepas menggondolnya pada 1999.

Pada Jun 2003, Nicol berada di tempat ke-53 dunia sebelum melonjak naik ke tempat ke-10 pada hujung tahun lepas.

Kejayaan tersebut turut mencatat sejarah skuasy dunia kerana Nicol adalah pemain Asia pertama yang menduduki tangga ke-10 dunia.

Di peringkat antarabangsa, Nicol menyertai empat pertandingan - Salt Lake City (USA) Open dengan menduduki tempat ke-3, Terbuka Wanita Malaysia (2), Terbuka Monte Carlo (2) dan Terbuka Dunia di Hong Kong (3).

Bagi Anugerah Pasukan Lelaki Kebangsaan yang digondol oleh pasukan boling di Kejohanan Dunia ke-5, kejayaan tersebut sekali gus mengeluarkan mereka dari dibayangi oleh pasukan wanita kebangsaan.

Pasukan tersebut yang dianggotai oleh Azidi Ameran, Zulmazran Zulkifli, Jonathan Lim Chin Lung, Alex Liew Kien Liang, Lim Tow Chuang dan Beng Heng Boon Hian muncul juara berpasukan lelaki Kejohanan Berpasukan Dunia ke-5 yang di adakan di Odense, Denmark pada Februari 2003.

Kejayaan pasukan lelaki boling negara turut diserikan dengan kejayaan pasukan boling wanita kebangsaan yang meraih Anugerah Pasukan Wanita Kebangsaan.

Pasukan tersebut yang dianggotai oleh Sarah Yap, Choy Poh Lai, Wendy Chai, Sharon Chai, Lai Kin Ngoh dan Shalin Zulkifli turut menjadi juara berpasukan wanita dalam kejohanan di Denmark.

Selain itu mereka juga muncul juara pemenang pingat emas acara berpasukan Kejohanan Boling Dunia ke-15 yang diadakan di Petaling Jaya, pada September 2003.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Sukan sebagai mengiktiraf sumbangan beliau terhadap pembangunan sukan negara.

Anugerah Kepimpinan Sukan pula diberikan kepada Setiausaha Agung Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC) Datuk Peter Velappan di atas sumbangannya memajukan sukan tersebut di peringkat Asia.

Manakala Anugerah Khas diberikan kepada Mendiang Durbara Singh (Tenis), Loh Beng Hooi (Karate) dan Abd Majid Muda (Angkat Berat).

-- BERNAMA  
ZAS AHH MOZ